

# Lulusan universiti bertambah

UTUSAN MALAYSIA  
16 MAC 2009  
(PERSONALITI)

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 15 Mac – Sebanyak 38 peratus rakyat Malaysia yang berumur 17 hingga 23 tahun berjaya memperoleh pendidikan tinggi berbanding hanya lima peratus kira-kira 20 tahun lalu.

Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Profesor Datuk Radin Umar Radin Sohadi (**gambar**) berkata, kerajaan menasaskan peratusan tersebut akan terus meningkat kepada 50 peratus menjelang 2020.

“Ia menjadi tanda aras kepada kita untuk terus memastikan lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai pendidikan di peringkat tinggi sama ada di institusi awam mahupun swasta,”

katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pameran Pendidikan Facon 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Dalam pada itu, Radin berkata, peluang bagi mereka yang mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat lepasan ijazah pula semakin luas sama ada di institusi awam ataupun swasta.

Katanya, pada masa kini sahaja kira-kira 60,000 kemasukan bagi pelajar program lepasan ijazah direkodkan.



Beliau berkata, masyarakat di negara ini semakin sedar bahawa pendidikan tinggi amat penting walaupun peluang pekerjaan yang ada agak terhad.

Menurutnya, lebih ramai rakyat Malaysia mahu mendapatkan pendidikan tinggi walaupun dunia mengalami kemelesetan ekonomi yang menyebabkan ramai siswazah sukar

mendapat pekerjaan.

“Ia sudah menjadi satu keperluan tidak kira sama ada mereka akan mendapatkan pekerjaan atau tidak selepas tamat pengajian,” katanya.